

24/05/2003

Jawatankuasa Umno bincang persediaan pilihan raya

Daud Awang; Noorwati Salleh; Munaarfah Abu Bakar; Ramli Ibrahim
PEKAN: Jawatankuasa Pengurusan Umno akan membincangkan persediaan terkini menghadapi pilihan raya umum, selain mengadakan latihan menyeluruh di kalangan anggota jentera parti bagi memperkemas persiapan parti itu.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata langkah itu penting supaya ahli Umno tidak terlalu selesa dengan kedudukan sekarang.

"Kecergasan dan komitmen jentera parti adalah satu daripada faktor penentu kejayaan. Kalau jentera lemah dan tidak bersungguh-sungguh, ia akan memberi kesan kepada pilihan raya.

"Walaupun kita memang sudah bersedia menghadapi pilihan raya, kita perlu memastikan jentera Umno menjalani latihan.

"Kalau ada sesetengah orang kita tak reti (tahu) apa nak buat dan tak reti sediakan data untuk bilik gerakan, tak reti mengenai peranan membaca

sikap pengundi, tak reti jadi perayu pengundi dan sebagainya, ini bermakna

kita pada hakikatnya belum bersedia lagi," katanya selepas majlis penghantaran peserta kursus jahitan ke Muar anjuran Yayasan Rahah, Yayasan

Sinar Malaysia dan Anata (M) Sdn Bhd, di Kampung Tanjung Kuala Pahang, dekat sini semalam.

Najib mengulas kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengarahkan Umno bahagian, Pemuda, Wanita dan Puteri membuat persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir berkata, sudah menjadi kebiasaan bagi Umno membuat persediaan awal walaupun tempoh kerajaan sekarang hanya berakhir menjelang akhir tahun depan.

Di MELAKA, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata pihaknya membuat persiapan sejak tahun lalu melalui pemantauan ke atas `Kumpulan 10' di setiap kawasan peti undi.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, pemantauan itu meliputi semua pengundi berdaftar, pengundi yang berpindah alamat, meninggal dunia dan pengundi yang tidak dapat dikesan.

"Bagi Wanita Umno, kita sudah membuat persiapan berterusan. `Dry run' ini adalah cara terbaik menguji persiapan kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Konvoquesyen Universiti Multimedia (MMU) di Bukit Beruang, di sini, semalam.

Di GUA MUSANG, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, mengarahkan semua pemimpin pergerakan itu di peringkat negeri tidak menimbulkan kecelaruan dalam kepemimpinan parti ketika Umno dalam

persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Katanya perpecahan yang sengaja ditimbulkan boleh mengeruhkan suasana kerana menjadi tanggungjawab Pemuda untuk menggerakkan jentera parti.

"Kerja kita (Pemuda) untuk mempersiapkan gerakan menghadapi pilihan raya umum dan menunjukkan pasukan benar-benar mantap serta kuat," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian perkhidmatan telefon dan penyerahan kunci rumah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), di Kampung Bertam Baru, di sini, semalam.

Di IPOH, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak, Datuk Seri Tajol Rosli

Ghazali pula meminta semua wakil rakyat Umno di negeri itu termasuk ketua

bahagian menyelesaikan masalah rakyat di kawasan masing-masing.

"Saya juga meminta semua wakil rakyat BN bertugas di pejabat masing-masing dan tentukan satu hari dalam seminggu mereka berada di pejabat," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan hak milik tanah Ladang Peladang Mukim Pulau Tiga di Dewan Serbaguna, semalam.